

Deindividuasi dari Perspektif Islam: Membina Semula Jati Diri, Nilai Moral, dan Tingkah Laku Kolektif

(Deindividuation from an Islamic Perspective: Reconstructing Selfhood, Moral Values, and Collective Behavior)

Ahmad Hisham Bin Azizan^{1*}

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
Email: ahmadhisham@uitm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Ahmad Hisham Bin Azizan
(ahmadhisham@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

Deindividuasi
Islam
Identiti Diri
Kesedaran Diri
Tanggungjawab Rohani

KEYWORDS:

Deindividuation
Islam
Personal Identity
Self-Awareness
Spiritual Accountability

CITATION:

Ahmad Hisham, A. (2026). Deindividuasi dari Perspektif Islam: Membina Semula Jati Diri, Nilai Moral, dan Tingkah Laku Kolektif. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(9), e004188. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i9.4188>

ABSTRAK

Deindividuasi ialah fenomena psikologi yang terjadi apabila individu dalam sesuatu kumpulan kehilangan identiti dan kesedaran sendiri. Proses ini boleh mendorong seseorang melakukan tindakan impulsif, menyimpang, dan adakalanya ganas apabila merasakan identiti dirinya tidak dikenal pasti oleh sesiapa. Artikel ini membincangkan deindividuasi dari perspektif Islam dengan menggabungkan teori psikologi sosial kontemporari bersama al-Quran dan Sunnah, psikologi moral Islam, serta konsep-konsep *nafs* (diri), *takwa*, *taklif* (tanggungjawab moral), *muhasabah al-nafs* (refleksi diri), dan ummah. Dalam kerangka Islam, pembinaan semula jati diri perlu berasaskan kesedaran bahawa setiap individu tetap mempunyai tanggungjawab moral di hadapan Allah walaupun berada dalam ruang digital ataupun suatu kumpulan. Identiti suatu kumpulan boleh menolak atau mengukuhkan lagi nilai-nilai moral, bergantung kepada norma kumpulan tersebut sama ada didasari oleh *takwa*, keadilan, kebenaran, dan akauntabiliti, ataupun oleh *aşabiyyah* (fanatisme kepartian atau kumpulan), sikap agresif, prejudis, dan sikap menurut secara membuta tuli. Oleh itu, Islam mengemukakan pendekatan seimbang demi mengekalkan akauntabiliti individu sambil memupuk identiti kolektif yang membina dari segi moral. Memahami deindividuasi menerusi kerangka Islam berpotensi membawa kepada pemahaman, pencegahan dan pembinaan semula tingkah laku kolektif dalam masyarakat Muslim.

ABSTRACT

Deindividuation is a psychological phenomenon in which individuals in a group lose their sense of personal identity and self-awareness. This process can lead people to engage in impulsive, deviant, and sometimes violent acts when they feel they cannot be personally identified. This paper observes deindividuation from an Islamic perspective by

integrating contemporary social-psychological theory with the Qur'an and Sunnah, Islamic moral psychology, and the concepts of *nafs* (self), *taqwā* (God-consciousness), *taklīf* (moral responsibility), *muḥāsabah al-nafs* (self-accountability), and *ummah*. Within the Islamic framework, reconstructing identity must be grounded in the awareness that every individual retains moral responsibility before Allah, whether in the digital realm or within a group. A group's identity can undermine or reinforce moral values, depending on whether its norms are grounded in *taqwa* (God-consciousness), justice, truth, and accountability, or in *aṣabiyyah* (partisan or factional fanaticism), aggression, prejudice, and blind conformity. Thus, Islam presents a balanced approach that maintains individual accountability while fostering a collectively constructive moral identity. Understanding deindividuation through an Islamic framework can support the understanding, prevention, and reconstruction of collective behavior within Muslim society.

1. Pengenalan

Pernakah anda mendengar tentang deindividuasi (kehilangan identiti diri apabila berada dalam kumpulan)? Pernakah anda tertanya-tanya mengapa seseorang bertindak berbeza apabila bersendirian berbanding ketika berada dalam kumpulan? Mari kita mendalami konsep deindividuasi ini kerana ia memberikan gambaran yang berharga tentang tingkah laku manusia. Tidak dapat dinafikan bahawa persekitaran sosial membentuk tingkah laku manusia (Franklin, M. T., 2024). Individu sering berkelakuan berbeza apabila bersendirian berbanding dalam kumpulan, terutamanya apabila identiti peribadi kurang mendapat perhatian daripada orang lain (Lea, M. et al., 2001). Psikologi sosial telah mengkaji fenomena ini melalui konsep deindividuasi, yang secara klasiknya ditakrifkan sebagai keadaan apabila individu kehilangan kesedaran diri dalam konteks kumpulan (Postmes, T. & Turner, F., 2015). Kajian awal mahupun kontemporari mengaitkan deindividuasi dengan sifat anonimiti (tanpa nama), penglibatan menyeluruh dalam kumpulan serta perubahan dalam mengawal tingkah laku (Spears, 2016; Villanova, F. et al., 2017). Kajian terkini mencabar tanggapan bahawa deindividuasi mengakibatkan tingkah laku yang tidak rasional atau antisosial. Sebaliknya, teori SIDE mencadangkan bahawa sifat anonimiti (tanpa nama) dan penglibatan mendalam dalam mana-mana kumpulan boleh mengalihkan tumpuan identiti peribadi kepada identiti sosial, sekali gus meningkatkan pematuhan terhadap norma yang berkaitan dengan kumpulan tersebut (Spears & Postmes, 2015; Spears, 2017).

Walau bagaimanapun, dari perspektif Islam, hubungan antara individu dan kumpulan tidak boleh difahami semata-mata melalui sifat anonimiti (tanpa nama), identiti sosial, atau pengaruh sesuatu kumpulan (Fatimah, 2011). Islam menekankan pentingnya nilai-nilai moral dalam masyarakat. Konsep *nafs*, yang lazimnya diterjemahkan sebagai jiwa (al-Ghazali, 2008), merupakan teras pemahaman Islam tentang tingkah laku manusia, nilai-nilai moral, dan pembangunan kerohanian. *Nafs* difahami sebagai entiti yang berupaya memiliki kesedaran moral, rasa tanggungjawab, dan kebertanggungjawaban di samping menggalakkan individu untuk memupuk sikap kawalan diri serta disiplin diri (al-Ghazali, 2008). Kajian terkini dalam psikologi Islam menghuraikan *nafs* sebagai komponen penting dalam personaliti manusia serta menekankan konsep muhasabah diri, kawalan diri, penyucian jiwa dan pendidikan akhlak. Prinsip-prinsip ini menunjukkan bahawa

seseorang individu bertanggungjawab untuk mengawal tingkah laku mereka walaupun ketika berada dalam persekitaran kolektif (Imran et al., 2025; Rassool & Keskin, 2023). Penekanan terhadap nilai-nilai moral individu juga menyediakan titik perbandingan yang penting antara Islam dan penjelasan konvensional tentang deindividuasi. Dalam beberapa penjelasan psikologi, tahap pengenalanpastian yang berkurangan boleh melemahkan tanggungjawab peribadi dan menjadikan individu lebih responsif terhadap situasi atau kumpulan tertentu. Sebaliknya, dalam pemikiran Islam, tanggungjawab peribadi tidak bergantung pada sama ada orang lain dapat mengenal pasti individu tersebut atau tidak. Islam mengemukakan tafsiran tersendiri mengenai deindividuasi. Daripada menganggap penglibatan secara mendalam dalam sesuatu kumpulan sebagai suatu cara yang boleh membawa kepada kehilangan jati diri, perspektif ini menekankan kepentingan mengekalkan kesedaran moral dan tanggungjawab peribadi dalam kehidupan bermasyarakat (Rothman, A., 2021). Pada masa yang sama, Islam tidak menolak identiti kolektif. Konsep ummah menekankan semangat kekitaan, solidariti, kerjasama dan nilai-nilai moral bersama (Zainul, 2023; Britton, J., 2024). Persoalan utama artikel ini ialah bagaimana Islam dapat menyediakan rangka moral dan spiritual untuk mencegah deindividuasi negatif, di samping mengekalkan manfaat identiti kolektif dan solidariti sosial.

1.1. Permasalahan Kajian

Konsep deindividuasi masih relevan, terutamanya pada era digital saat ini. Ruang dalam talian menawarkan privasi, menyukarkan seseorang untuk dikenal pasti, dan meningkatkan rasa kekitaan terhadap sesuatu kumpulan, sekali gus menyebabkan individu lebih cenderung melihat diri mereka sebagai ahli kumpulan sosial tertentu (Lin, H., et.al., 2025; Belentschikow, V. et al., 2022; Flanagan, A. J., 2020). Kajian mengenai media sosial menunjukkan bahawa sifat anonimiti (tanpa nama) mengukuhkan lagi identiti suatu kumpulan dan menggalakkan individu untuk mengutamakan norma kumpulan berbanding norma peribadi (Huang, G., & Li, K., 2016). Masalah muncul apabila norma kelompok tersebut bertentangan dengan nilai-nilai moral dalam masyarakat. Contohnya, sebuah kumpulan dalam media sosial boleh membentuk budaya penghinaan, buli siber, penyebaran fitnah atau kebencian terhadap kumpulan lain. Dalam keadaan tersebut, individu mungkin merasakan bahawa tanggungjawab peribadinya berkurang kerana “semua orang melakukannya”.

Dari perspektif Islam, pemikiran seperti ini bertentangan dengan prinsip taklif dan tanggungjawab individu. Kepercayaan agama, pembangunan diri, penghargaan sendiri, dan orientasi kerohanian boleh menyumbang kepada cara umat Islam memahami diri serta mengawal tingkah laku mereka. Al-Quran juga menegaskan bahawa setiap individu bertanggungjawab terhadap apa yang diusahakannya. Justeru, Islam menyediakan kerangka etika yang membolehkan tingkah laku individu terarah kepada tujuan yang membina dari segi sosial dan moral, dan ini selari dengan asas etika Islam yang meletakkan manusia sebagai makhluk bermoral dan bertanggungjawab.

Oleh itu, pertemuan antara deindividuasi dan psikologi Islam merupakan satu bidang penting untuk mengkaji perkara ini. Teori-teori psikologi menjelaskan bagaimana sifat anonimiti (tanpa nama), identiti dalam kumpulan, dan norma sosial boleh mempengaruhi tingkah laku, sementara perspektif Islam memperkenalkan konsep-konsep seperti *nafs*, akauntabiliti moral, disiplin diri, kesedaran kerohanian, dan tanggungjawab bersama. Oleh itu, meneliti konsep deindividuasi daripada perspektif Islam dapat meluaskan lagi pemahaman tentang cara individu bertindak balas terhadap tekanan dalam kumpulan,

khususnya dalam persekitaran kontemporari seperti media sosial, komuniti keagamaan, kumpulan pelajar, dan suasana kolektif yang lain. Artikel ini mengupas konsep deindividuasi (kehilangan identiti individu) daripada perspektif Islam, dengan memberi tumpuan kepada hubungan antara identiti individu dan identiti kolektif, serta meneliti sama ada prinsip-prinsip Islam mengenai kesedaran sendiri, akauntabiliti, dan kawalan sendiri berasaskan moral mampu menyediakan satu kerangka kerja bagi mengurangkan kesan-kesan yang berpotensi memudaratkan individu akibat fenomena tersebut.

1.2. Objektif Kajian

Artikel ini mempunyai lima objektif utama:

1. Menjelaskan deindividuasi daripada perspektif psikologi kontemporari.
2. Menganalisis konsep Islam berkaitan identiti individu dan kolektif.
3. Mengenal pasti konsep al-Quran mengenai *nafs*, takwa, akauntabiliti dan tanggungjawab kolektif yang menerangkan fenomena deindividuasi.
4. Membina kerangka Islam yang menghubungkan identiti individu, identiti sosial, takwa dan tingkah laku kolektif.
5. Mencadangkan pendekatan praktikal untuk membina tingkah laku kolektif yang berasaskan akhlak dan tanggungjawab.

2. Sorotan Literatur

2.1. Konsep Deindividuasi

Menurut Postmes dan Turner (2015), deindividuasi secara klasik didefinisikan sebagai keadaan apabila individu kehilangan kesedaran diri dalam konteks kumpulan. Faktor seperti anonimiti, perubahan dalam bertingkah laku dan pengurangan kesedaran sendiri telah lama menjadi fokus penyelidikan sebagaimana yang diterangkan oleh Spears (2016). Namun, perkembangan teori menunjukkan bahawa deindividuasi tidak boleh disamakan secara mudah dengan kehilangan kawalan diri. Kajian oleh Spears (2017) menunjukkan bahawa individu dalam keadaan deindividuasi boleh menjadi lebih responsif kepada norma situasi. Dengan kata lain, persoalannya bukan semata-mata “adakah individu kehilangan kawalan?”, tetapi “norma siapa yang sedang mengawal tingkah lakunya?” Implikasinya ialah deindividuasi boleh menghasilkan tingkah laku positif atau negatif bergantung pada norma kelompok yang dominan sebagaimana yang dikaji oleh Levine & Hogg (2010) dan Jackson II dan Hogg (2010).

2.2. Punca Utama Deindividuasi

Deindividuasi tidak secara automatik menghasilkan tingkah laku yang tidak rasional atau antisosial. Sebaliknya, Levine & Hogg (2010) dan Jackson II dan Hogg (2010) mengatakan bahawa individu yang mengalami deindividuasi mungkin menjadi sangat responsif terhadap norma dan identiti kumpulan yang dianggotainya. Menurut Postmes & Turner (2015), pernyataan ini penting kerana deindividuasi boleh menghasilkan kesan negatif dan positif. Dalam keadaan tertentu, ia boleh menyumbang kepada sifat agresif, buli siber, *trolling*, tingkah laku memberontak, dan bentuk-bentuk kelakuan antisosial yang lain. Dalam keadaan lain pula, ia dapat mengukuhkan kerjasama, solidariti, tindakan kolektif dan pematuhan terhadap norma kumpulan yang positif. Oleh itu, punca-punca utama deindividuasi perlu difahami dalam konteks sosial dan praktikal.

Menurut Sammons dan Cross (2017), sifat anonimiti (tanpa nama) adalah salah satu aspek paling penting yang berkaitan dengan deindividuasi. Apabila seseorang beranggapan bahawa identiti peribadinya tidak dapat dikenali, rasa tanggungjawab terhadap perbuatan yang dilakukan mungkin berkurang. Keadaan ini boleh berlaku dalam perhimpunan yang melibatkan ramai orang, demonstrasi yang melibatkan peserta bertopeng, komuniti dalam talian, persekitaran permainan video, serta platform media sosial. Sebagai contoh, Lowry et al. (2016) mendapati bahawa sifat anonimiti ini, apabila digabungkan dengan penggunaan media sosial secara intensif boleh memudahkan berlakunya buli siber dalam kalangan masyarakat.

Punca utama seterusnya ialah pengurangan kesedaran sendiri sebagaimana yang dikaji oleh Spears (2016) dan Villanova et al. (2017). Deindividuasi melibatkan peralihan fokus daripada individu kepada kelompok atau keadaan di sekeliling. Apabila seseorang kurang memberi perhatian kepada nilai, standard, dan kesan yang mungkin akan berlaku kepada diri sendiri dalam melakukan sesuatu perkara, keupayaan kawalan kendirinya mungkin menjadi lemah. Walau bagaimanapun, bukti mengenai hilangnya kesedaran sendiri secara menyeluruh adalah terhad. Oleh itu, Spears (2017) menekankan kepentingan identiti sosial dan norma kumpulan sebagai punca peningkatan atau hilangnya kesedaran sendiri dalam kalangan individu.

Selain itu, tahap penglibatan yang mendalam dalam kumpulan juga boleh menyumbang kepada deindividuasi menurut kajian Densley & Peterson (2018). Individu mungkin mula merasakan diri mereka sebahagian daripada ahli sesuatu kumpulan, organisasi, gerakan, komuniti dalam talian, atau kelompok sosial, dan bukannya sebagai individu yang berasingan. Sebagai contoh, individu yang menghadiri demonstrasi politik mungkin berkelakuan mengikut norma kumpulan tersebut. Begitu juga dengan penyokong bola sepak, mereka mungkin berasa sangat terikat dengan pasukan mereka dan berkelakuan selaras dengan jangkaan penyokong-penyokong lain.

Deindividuasi juga mungkin menyebabkan kurangnya rasa tanggungjawab dalam diri seseorang sebagaimana kajian Villanova et al. (2017). Mekanisme ini jelas kelihatan terutamanya secara dalam talian. Sebagai contoh, dalam persekitaran media sosial, individu mungkin menganggap dirinya sebagai salah seorang pengguna dalam kalangan ribuan pengguna yang lain. Akibatnya, budaya buli siber, komen yang memudaratkan, penyebaran fitnah atau kebencian terletak pada kumpulan tersebut dan bukannya pada individu. Dalam keadaan tersebut, individu mungkin merasakan dirinya tidak bersalah kerana “semua orang melakukannya”.

2.3. Kesan Deindividuasi

Salah satu kesan deindividuasi yang paling kerap dibincangkan ialah tingkah laku agresif. Postmes dan Turner (2015) mengatakan bahawa individu yang terlibat dalam kelompok anonimiti lebih mudah kehilangan kawalan diri sekaligus terjebak dalam tingkah laku agresif yang di luar kebiasaan individu tersebut. Walau bagaimanapun, Costa et al. (2023) yang mengkaji tentang gerakan sosial dan tingkah laku kolektif mendapati bahawa keadaan anonimiti, saiz kumpulan yang lebih besar dan kurang kesedaran diri hanya boleh dikaitkan dengan tingkah laku agresif di bawah keadaan tertentu. Yang penting, tingkah laku agresif lebih berkemungkinan berlaku apabila norma kumpulan tersebut menyokong tindakan agresif. Drury (2026), Hossain et al. (2025) dan Lowry et al. (2016) turut menyatakan kesan negatif lain seperti buli siber, *trolling*, gangguan dalam talian, tingkah laku agresif kumpulan pemberontakan, komen yang bersifat permusuhan dan

fitnah, kurang rasa tanggungjawab serta perkara negatif lain hanya boleh berlaku sekiranya norma sesuatu kumpulan menyokong tindakan di atas. Sekiranya norma kumpulan tersebut menyokong tindakan sebaliknya, mungkin kesan negatif di atas tidak akan berlaku kerana kebiasaannya manusia menjadi lebih berani apabila mereka berada dalam kelompok yang ramai.

Oleh itu, Makin (2025) mengatakan bahawa deindividuasi ini tidak seharusnya dilihat sebagai fenomena psikologi yang negatif semata-mata. Reicher et al. (2018) menunjukkan bahawa individu yang berada dalam kelompok yang ramai boleh membentuk identiti bersama yang memupuk solidariti dan tindakan kolektif. Drury (2026) dan Alhajri et al. (2023) menekankan bahawa identiti kolektif boleh membentuk tingkah laku bersama semasa protes, kecemasan, perhimpunan besar-besaran dan acara-acara yang lain. Secara positifnya, individu dapat membentuk semangat kekitaan yang lebih kuat, yang menunjukkan bahawa tingkah laku kolektif boleh membawa kesan melangkaui persekitaran tersebut. Kesan positif lain termasuklah pembentukan solidariti sosial, kerjasama, sokongan kolektif, penyertaan dalam gerakan sosial dan identiti kolektif yang lebih kukuh. Di sini, faktor utama bukanlah sekadar sama ada seseorang individu itu menjadi tidak dikenali. Sebaliknya, persoalan pentingnya ialah identiti kumpulan dan norma sosial yang manakah menjadi ikutan individu apabila berada dalam kelompok yang ramai. Ini merupakan perkara yang perlu dititikberatkan apabila cuba memahami mengenai deindividuasi.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan konsep dan disiplin kajian yang melibatkan psikologi sosial kontemporari, teori identiti sosial, literatur deindividuasi, analisis al-Quran, psikologi Islam, dan kajian sarjana kontemporari mengenai konsep *nafs*, takwa serta muhasabah diri dalam Islam. Daripada menggunakan sumber-sumber Islam sebagai eksperimen psikologi yang bersifat empirikal, kajian ini menggunakannya sebagai kerangka normatif dan antropologi untuk merumuskan teori tentang tingkah laku manusia. Literatur psikologi menyediakan model mengenai tingkah laku kumpulan, manakala sumber-sumber Islam pula menyediakan ontologi etika yang berkait dengan manusia, akauntabiliti, identiti, tanggungjawab dan kehidupan kolektif. Oleh itu, pendekatan ini bukanlah satu usaha untuk mendakwa bahawa psikologi moden telah mendahului al-Quran dalam erti kata saintifik, mahupun usaha untuk menggantikan psikologi yang bersifat empirikal dengan teologi. Sebaliknya, objektifnya ialah integrasi antara teori iaitu mengenal pasti titik pertemuan antara model psikologi kontemporari dengan konsep Islam, aspek perbezaannya, serta bagaimana psikologi Islam berpotensi menjana hipotesis tambahan bagi penyelidikan yang bersifat empirikal pada masa hadapan.

4. Hasil Kajian

Dari perspektif Islam, deindividuasi boleh diteliti menerusi konsep *nafs*, takwa, amanah, muhasabah diri, serta tanggungjawab individu di hadapan Allah (Imran et al., 2025). Walaupun al-Quran dan Sunnah tidak menggunakan istilah psikologi moden seperti deindividuasi, ajaran Islam menawarkan prinsip-prinsip yang membantu manusia memahami dan menangani isu-isu psikologi mahupun moral. Khususnya, Islam menegaskan bahawa keahlian dalam sesuatu kumpulan tidak menggugurkan tanggungjawab moral seseorang. Individu bertanggungjawab atas tindakan mereka sendiri, walaupun ketika berada di dalam sebahagian daripada orang ramai, komuniti,

organisasi, atau kumpulan dalam talian (Wisconsin, 2024; Engku, 2021; Khairul Azhar, 2000). Ini menunjukkan bahawa elemen tanggungjawab menjadi antara komponen yang penting dalam pembentukan identiti seorang Muslim yang bermoral dan bertakwa.

Prinsip Islam yang paling penting untuk memahami konsep deindividuasi ini ialah sifat bertanggungjawab seorang individu. Al-Quran berulang kali menegaskan bahawa setiap orang bertanggungjawab atas tindakan mereka sendiri (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2023; Engku, 2021; Khairul, 2000). Surah al-Isra' 17:15 menyatakan bahawa sesiapa yang mengikut petunjuk akan mendapat manfaat untuk dirinya sendiri, manakala sesiapa yang sesat akan menanggung akibat buruknya sendiri, dan tiada seorang pun yang memikul beban dosa orang lain. Begitu juga, ayat 38 dalam Surah an-Najm (53:38) menyatakan: "Bahawa seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja)." Prinsip ini sangat relevan dengan fenomena deindividuasi. Dalam sesuatu kelompok yang ramai, individu mungkin berasa secara psikologi bahawa tanggungjawab itu dikongsi bersama oleh semua orang. Seseorang mungkin berfikir—sama ada sedar atau tidak—bahawa orang lain juga melakukan perkara yang sama, lalu menganggap tindakannya sendiri sebagai sesuatu yang tidak signifikan. Sebagai contoh, penjawat awam A menulis komen berbentuk hasutan di media sosial. Dia beranggapan bahawa orang lain juga melakukan perkara yang sama, lalu dia menganggap tindakannya itu tidak salah dan tidak memberi kesan kepada sesiapa. Ini berbalik kepada pernyataan "semua orang melakukannya". Islam menolak tanggapan ini kerana setiap individu yang mukallaf bertanggungjawab atas setiap perkataan dan perbuatan yang dilakukan (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2023; Engku, 2021; Khairul, 2000). Justeru, perspektif Islam memberikan koreksi penting terhadap bentuk negatif deindividuasi ini di mana seseorang tidak boleh memindahkan tanggungjawab moral kepada mana-mana kumpulan yang disertainya. Walaupun seseorang individu bertindak secara anonimiti atau sebagai sebahagian daripada kelompok yang besar, tindakan tersebut tetap merupakan tindakan mereka sendiri (Norajila et al., 2017; Khairul Azhar, 2000).

Satu lagi konsep penting dalam Islam ialah takwa, yang lazimnya difahami sebagai kesedaran seseorang terhadap tanggungjawabnya di hadapan Allah (Zulkifli, 2024; Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2015). Takwa berfungsi sebagai satu bentuk kawalan rohani manusia (al-Ghazali, 2008; Abu Bakar, 2003). Islam menggalakkan individu untuk sentiasa sedar akan kehadiran Allah, tanpa mengira sama ada orang lain dapat melihat tingkah laku mereka atau tidak (Mohd Al-Dandarawi & Yusri, 2024). Prinsip ini penting kerana walaupun seseorang itu bertindak secara anonimiti, tidak bermakna seseorang itu tidak kelihatan di sisi Allah. Firman Allah dalam surah al-An'am (6:103) bermaksud: "Allah tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata, tetapi Dia melihat segala penglihatan." Begitu juga, ayat 14 dalam surah al-'Alaq (96:14) menyatakan: "Tidakkah manusia tahu bahawa sesungguhnya Allah melihat segala amal perbuatannya?" Selain itu, al-Qur'an 35:18 mengaitkan penyucian diri dan akauntabiliti dengan takwa, serta menegaskan bahawa setiap individu akhirnya akan kembali kepada-Nya. Oleh itu, pemahaman Islam tentang kawalan sendiri tidak bergantung semata-mata pada aspek luaran (al-Ghazali, 2008). Seorang Muslim seharusnya berkelakuan secara beretika walaupun tiada sesiapa yang memerhatikan di sekelilingnya. Konsep takwa ini berfungsi sebagai benteng psikologi dan kerohanian yang penting untuk menangani pelbagai bentuk deindividuasi yang merugikan manusia pada era globalisasi saat ini.

Konsep amanah juga relevan dengan istilah deindividuasi ini. Amanah bermaksud kepercayaan, tanggungjawab, atau kewajipan yang mesti dipenuhi (Nabil, M., 2025; al-

Ghazali, 2008). Seseorang yang memiliki rasa amanah yang tinggi mungkin tidak cenderung menganggap keikutsertaan dalam sebuah kumpulan sebagai alasan untuk mengabaikan tanggungjawab peribadi. Sebaliknya, keahlian dalam kumpulan menjadi satu tanggungjawab tambahan di mana individu tersebut perlu mempertimbangkan sama ada tingkah lakunya memberi manfaat atau mendatangkan kemudaratan kepada orang lain. Dengan itu, Islam mengubah persoalan daripada “Bolehkah saya terlepas daripada tindakan ini memandangkan tiada siapa yang mengenali saya?” kepada “Adakah saya sedang menunaikan tanggungjawab saya di hadapan Allah dan orang lain?”

Islam turut mengetengahkan konsep muhasabah diri, iaitu refleksi diri atau pertanggungjawaban terhadap diri sendiri. Muhasabah melibatkan penilaian terhadap niat, tingkah laku, kekurangan diri, serta hubungan seseorang dengan Allah (Mrahorovic, S., 2025; Sharifah Basirah et al., 2022). Firman Allah dalam surah al-Hasyr (59:18) bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat)...” Malah Saidina Umar bin al-Khattab pernah berkata: “Hisablah dirimu sebelum kamu dihisab, dan timbanglah sebelum kami ditimbang, supaya itu lebih mudah bagimu di hari hisab kelak untuk menghisab dirimu di hari ini” (Nurman, 2026). Islam menekankan kepentingan muhasabah sebagai mekanisme pembangunan moral dan pemurnian sahsiah. Sebagai contoh, Danish dan Mustafa (2026) menyifatkan muhasabah diri sebagai sarana penting untuk peningkatan rohani, penyucian akhlak, dan penambahbaikan diri secara praktikal. Muhasabah boleh difahami sebagai elemen yang bertentangan dengan tingkah laku kelompok yang negatif (Mrahorovic, S., 2025; Sharifah Basirah et al., 2022). Seorang individu digalakkan untuk berhenti sejenak dan melakukan penilaian: Apakah yang sedang saya lakukan? Mengapakah saya melakukannya? Adakah tindakan ini selari dengan nilai-nilai Islam? Adakah tindakan ini memudaratkan orang lain? Adakah saya akan dipertanggungjawabkan atas tindakan ini di hadapan Allah? Refleksi seumpama ini memperkukuh kesedaran diri dan tanggungjawab moral seorang individu untuk menjadi manusia yang bertakwa di sisi Allah.

Seterusnya, Islam tidak menolak identiti sesebuah kumpulan ataupun organisasi. Sebaliknya, Islam amat mementingkan konsep ummah, persaudaraan, kerjasama dan solidariti sosial (Saddiqui, M., 2023; Moten, A. R., 1996). Islam tidak menganggap setiap bentuk identiti sebuah kumpulan atau organisasi sebagai sesuatu yang berbahaya. Perbezaannya terletak pada norma kumpulan tersebut sama ada bersifat positif ataupun negatif. Kajian mengenai tingkah laku rakan sebaya dari perspektif Islam mendapati bahawa keahlian seseorang dalam sesuatu kumpulan boleh dipengaruhi oleh faktor keakraban, keselesaan, dan keperluan peribadi (Khan Kichi, A. H., & Nosrati, M., 2016; Hafeez, M. A., 2010). Kajian tersebut turut menyarankan pendidikan agama, pergaulan dengan golongan yang baik, serta aktiviti yang membina bagi menangani pengaruh rakan sebaya yang memudaratkan. Hal ini selari dengan prinsip Islam yang lebih luas, iaitu setiap individu digalakkan untuk bergaul dengan orang lain (al-Ghazali, 2008). Justeru, identiti kolektif yang kukuh boleh membawa kesan positif apabila ia memupuk sifat takwa, kerjasama, keadilan, belas kasihan, dan memberi perkhidmatan yang baik kepada orang lain. Oleh yang demikian, Islam tidak bertujuan untuk menghapuskan identiti sesebuah kumpulan; sebaliknya, Islam berusaha membentuk dan memandu identiti kumpulan tersebut berdasarkan kepada nilai-nilai moral dan agama.

Kepentingan mengkaji konsep deindividuasi telah meningkat seiring dengan perkembangan media sosial. Perkara ini amat penting dari perspektif Islam, khususnya

apabila ia berkait rapat dengan tingkah laku buli siber, penghinaan dalam talian, tindakan memalukan orang lain, penyebaran maklumat palsu, serta komen-komen yang memudaratkan; malah isu ini kekal relevan pada tahun 2026. Satu kajian yang diterbitkan dalam *Journal of Contemporary Islamic Law* telah meneliti tingkah laku deindividuasi menggunakan kerangka Maqasid al-Syariah (Ilias, N. S., & Omar, A. F., 2026). Berdasarkan perspektif ini, tingkah laku kolektif perlu dinilai dari segi kesannya terhadap kepentingan asas manusia. Dalam konteks tingkah laku dalam talian, kajian tersebut menekankan kepentingan memelihara nyawa, maruah dan akal. Sebagai contoh:

Jadual 1: Kerangka Maqasid Syariah dan Hubungannya dengan Tingkah Laku Deindividuasi

Tingkah Laku Deindividuasi	Kebimbangan/Keprihatinan Dalam Islam	Objektif yang Sesuai
Buli Siber	Memudaratkan dan memalukan	Menjaga nyawa dan maruah
Penyebaran maklumat palsu	Penipuan dan mudarat sosial	Menjaga akal
Gangguan dalam talian	Pelanggaran maruah	Menjaga maruah
Sikap agresif dalam kumpulan	Mudarat fizikal dan sosial	Menjaga nyawa
Menyokong tindakan positif dalam talian	Belas kasihan dan kerjasama	Menjaga kebajikan masyarakat
Tindakan amal secara kolektif	Membantu orang lain	Manfaat awam (<i>maslahah</i>)

Rujukan: Ilias, N. S., & Omar, A. F., 2026

Kerangka jadual ini menunjukkan bahawa tingkah laku dalam kumpulan tidak seharusnya dinilai semata-mata berdasarkan sifatnya yang kolektif. Persoalan utamanya ialah sama ada tingkah laku kolektif tersebut selari dengan objektif dalam Islam yang menekankan penjagaan agama, nyawa, akal, maruah dan keturunan serta harta.

Akhir sekali, Islam menghuraikan fenomena deindividuasi ke dalam lima dimensi yang saling berkaitan antara satu dengan yang lain. Pertama, identiti. Seorang Muslim memiliki identiti individu serta peranan dalam komuniti yang lebih luas. Identiti dalam sesebuah kumpulan tidak seharusnya diberikan keutamaan melebihi kesedaran moral peribadi (Wright, J. C., 2026; Amit, A., & Venzhik, E., 2025). Kedua, akauntabiliti. Setiap individu tetap bertanggungjawab secara peribadi di hadapan Allah (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2023; Engku, 2021; Khairul, 2000). Keahlian dalam sesuatu kumpulan tidak boleh mengenepikan tanggungjawab peribadi (Smiley, M., 2025). Ketiga, kawalan sendiri. Taqwa dan muhasabah diri mendorong individu untuk mengawal tingkah laku mereka walaupun tanpa pengawasan luaran (Naseer, S. S., 2026; Sharifah Basirah et al., 2022). Keempat, norma sesuatu kumpulan. Prinsip Islam menyediakan kriteria untuk menentukan sama ada norma sesuatu kumpulan boleh diterima dari segi moral. Norma dianggap boleh diterima jika ia memupuk keadilan, kebaikan, dan kesejahteraan umum, dan tidak boleh diterima jika ia bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah atau nilai-nilai teras Islam (Pakeeza, S. & Chishti, A. A., 2012). Kelima, akibat. Tindakan dinilai berdasarkan kesannya terhadap individu dan masyarakat, termasuk sama ada ia memelihara maruah, nyawa, akal, keharmonian sosial dan objektif Syariah yang lain (Mahadi et al., 2025; Wanto, E. et al., 2021). Oleh itu, Islam bukan sekadar berusaha menghalang individu daripada terus hanyut dalam sesuatu kumpulan yang disertai, sebaliknya ia bertujuan memastikan identiti individu, akauntabiliti moral, dan identiti kolektif kekal bersepadu berlandaskan kepada ajaran al-Quran dan Sunnah.

5. Kesimpulan

Deindividuasi menyediakan beberapa kerangka psikologi untuk seseorang memahami bagaimana sifat anonimiti, penglibatan mendalam dalam kumpulan, kurangnya kesedaran sendiri, dan identiti kolektif boleh mempengaruhi tingkah laku manusia. Walau bagaimanapun, dari perspektif Islam, hilangnya sifat akauntabiliti akibat pengaruh deindividuasi yang negatif adalah bertentangan dengan ajaran asas Islam mengenai tanggungjawab individu, takwa, amanah, dan kesedaran sendiri. Prinsip al-Quran yang menyatakan bahawa tiada sesiapa pun yang memikul beban orang lain menetapkan bahawa individu tetap bertanggungjawab secara moral atas tindakan mereka sendiri. Islam menawarkan beberapa mekanisme untuk menangani deindividuasi yang bersifat negatif ini iaitu takwa memupuk kesedaran terhadap Allah; amanah mengukuhkan rasa tanggungjawab; muhasabah diri memperkukuh refleksi sendiri; ajaran etika Islam mengawal komunikasi; dan Maqasid al-Shariah menyediakan kerangka untuk menilai akibat daripada tingkah laku kolektif. Islam juga menghargai kebersamaan manusia sebagai satu kumpulan. Apabila pemimpin yang baik membimbing sesuatu kumpulan, beliau mampu menyatukan orang ramai, membantu mereka bekerja sebagai satu pasukan, serta menggalakkan mereka untuk saling mengambil berat antara satu sama lain. Oleh itu, apabila meneliti cara sesebuah kumpulan berfungsi dalam Islam, ia bukan sekadar tentang kehilangan identiti diri sebagai seorang individu tetapi ia adalah mengenai keseimbangan antara apa yang betul sebagai seorang individu dengan apa yang betul sebagai sebahagian daripada kumpulan. Kesimpulannya, dalam Islam, seseorang itu tidak boleh bersembunyi di belakang orang lain atau menggunakan sifat anonimiti sebagai alasan untuk bertingkah laku yang buruk. Sama ada anda bersendirian, berada dalam kumpulan, atau dalam talian, anda tetap bertanggungjawab atas tindakan anda di hadapan Allah. Dalam konteks ini, Islam mengemukakan satu konsep yang unik: perisai paling ampuh terhadap deindividuasi bukanlah pengiktirafan daripada orang lain, sebaliknya pengiktirafan moral di sisi Allah.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Tiada jawatankuasa yang terlibat dalam kajian ini.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Tiada badan pembiayaan atau institusi yang terlibat dalam kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Tiada pembiayaan diterima untuk kajian ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abu Bakar Bin Yang (2003, Mei 07). Nilai Taqwa Dalam Kehidupan. *Institut Kefahaman Islam Malaysia*. <https://www.ikim.gov.my/nilai-taqwa-dalam-kehidupan/>.

Al-Ghazali. (2008). *Penenang Jiwa: Pengubatan & Rawatan*. Wholesale-Mart Business Point Sdn Bhd.

Alhajri, W., Templeton, A., & Moore, A. (2023). Social norms and risks at mass gatherings: A systematic review. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 88, Article 10358. <https://doi.org/10.1016/j.ijdrr.2023.103586>.

Amit, A. & Venzhik, E. (2025). Morality, Social Inclusion, and In-Group Superiority: The Differential Role of Individualizing and Binding Foundations in Perceptions of the Social Identity of In-Group and Out-Group Members. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 51(12), 2571-2585. <https://doi.org/10.1177/01461672241262367>.

Belentschikow, V., Pfeffel, K. & Muller, N. H. (2022). Making friends on Facebook: Common group membership as a central decision rule. *Computers in Human Behavior*, 126, Article 107040. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2021.107040>.

Britton, J. (2024). *Understanding Muslim Family Life: Changing Relationships, Personal Life and Inequality*. Bristol University Press.

Costa, S. D., Paez, D., Marti-Gonzalez, M., Diaz, V., & Bouchat, P. (2023). Social movements and collective behavior: An integration of meta-analysis and systematic review of social psychology studies. *Frontiers in Psychology: Personality and Social Psychology*, 14, Article 1096877. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.1096877>.

Danish, M. S., & Mustafa, A. U. (2026). The role of self-accountability in personality development: A research and analytical study in the light of the Qur'an and Hadith. *ACADEMIA International Journal for Social Sciences*, 5(3). [https://doi.org/10.63056/academia.5.3\(c\).2026.1888](https://doi.org/10.63056/academia.5.3(c).2026.1888).

Densley, J., & Peterson, J. (2018). Group Aggression. *Current Opinion in Psychology*, 19, 43-48. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2017.03.031>.

Drury, J. (2026). The Psychology of Crowd Behavior. *Annual Review of Psychology*, 77, 339-364. <https://doi.org/10.1146/annurev-psych-012125-121447>.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Prof. Dr. (2021, Disember 7). Tanggungjawab setiap individu Muslim. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/12/785690/tanggungjawab-setiap-individu-muslim>.

Fatimah Abdullah. (2011). Human Behavior from an Islamic Perspective: Interaction of Nature, Nurture, and the Spiritual Dimension. *American Journal of Islam and Society*, 28(2). <https://doi.org/10.35632/ajis.v28i2.344>.

Flanagin, A. J. (2020). The Conduct and Consequence of Research on Digital Communication. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 25(1), 23-31. <https://doi.org/10.1093/jcmc/zmz019>.

Franklin, M. T. (2024, October 31). Unraveling the Mysteries of Group Dynamics: A Look at Group Relations Theory. *Psychology Fanatic*. <https://psychologyfanatic.com/group-relations-theory/>.

Hafeez, M. A. (2010). *Human Character and Behavior: An Islamic Perspective*. Amana Publication.

Hafifah, R. S., & Nurrahmi, F. (2024). Deindividuation phenomenon among anonymous Kpopers account on social media X. *Jurnal Komunikasi*, 16(2). <https://doi.org/10.24912/jk.v16i2.31668>.

- Hossain, M. A., Quaddus, M., Akter, S., Mikalef, P., & Warren, M. (2025). Trolling in social media: A deindividuation and contagion perspective. *Information & Management*, 62(7), Article 104211. <https://doi.org/10.1016/j.im.2025.104211>.
- Huang, G., & Li, K. (2016). The effect of anonymity on conformity to group norms in online contexts: A meta-analysis. *International Journal of Communication*, 10, 398-415. <https://ijoc.org/index.php/ijoc/article/view/4037>.
- Ilias, N. S., & Omar, A. F. (2026). Cyberbullying: A netnographic study based on Maqasid Shariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 11(1), 113-120. <https://doi.org/10.26475/jcil.2026.11.1.13>.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2023). *Carian Soal Jawab Agama*. <https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=3976>.
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (2015, Jun 29). *APAKAH ITU TAKWA?* <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/edisi-ramadhan/1968-apakah-itu-takwa>.
- Jackson II, R. L., & Hogg, M. A. (2010). Deindividuation. *Encyclopedia of identity*, 1, 199-202. <https://doi.org/10.4135/9781412979306.n63>.
- Khairul Azhar Bin Idris. (2000, Januari 01). Akauntabiliti Menurut Pandangan Islam. *Institut Kefahaman Islam Malaysia*. <https://www.ikim.gov.my/en/akauntabiliti-menurut-pandangan-islam/>.
- Khan, I, Dean, S., Ridge, D., & Souvlakis, N. (2025). The Integration of Islamic Psychology with Acceptance and Commitment Therapy (ACT). *Cult Med Psychiatry*, 49(4), 1067-1086. doi: 10.1007/s11013-025-09924-5.
- Khan Kichi, A. H., & Nosrati, M. (2016). A Good Friend in Islam. *International Multidisciplinary Journal of "Pure Life"*, 2(4).
- Lea, M., Spears, R., & de Groot, D. (2001). Knowing Me, Knowing You: Anonymity Effects on Social Identity Processes within Groups. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 27(5), 526-537. <https://doi.org/10.1177/0146167201275002>.
- Levine, J. M., & Hogg, M. A. (2010). Social Identity Model of Deindividuation Effects. *Encyclopedia of group processes & intergroup relations* (pp. 794-797). SAGE Publications, Inc., <https://doi.org/10.4135/9781412972017.n245>.
- Lowry, P. B., Zhang, J., Wang, C., & Siponen, M. (2016). Why do adults engage in cyberbullying on social media? An integration of online disinhibition and deindividuation effects with the social structure and social learning model. *Information Systems Research*, 27(4), 962-986. <https://doi.org/10.1287/isre.2016.0671>.
- Lin, H., Xue, J. & Zhang, Y. (2025). Is It More Common to Persuade Others to Break Up Online? The Influence of Perceived Anonymity on Online Breakup Persuasion Attempts in Others' Romantic Conflict. *International Journal of Psychology*, 60(6), Article e70128. <https://doi.org/10.1002/ijop.70128>.
- Mahadi, Mohd Hidayat; Ibrahim, Siti Sara; Husna Abd Rahman, Siti Nur; Babge, Siti Nadiyah; Ismail, Ahmad Munawwar. (2025). Aplikasi Maqasid Shariah dalam Menangani Cabaran Isu Pemikiran Kontemporari. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(1). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.42>.
- Makin, S. (2025, December 19). What Is Deindividuation and Why Does it Matter in 2026? *Makin Wellness*. <https://www.makinwellness.com/what-is-deindividuation-why-it-matters/>.
- Mohd Al-Dandarawi Mustafar & Yusri Mohamad Ramli. (2024). Usul dan Furuk Dalam Akidah Menurut Para Ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 25(3). <https://doi.org/10.37231/jimk.2024.25.3.845>.
- Moten, A.R. (1996). Ummah: The Islamic Social Order. In: *Political Science: An Islamic Perspective* (pp. 63-81). https://doi.org/10.1057/9780230377578_5.

- Mrahorovic, S. (2025). The Role of Muḥāsabah al-Nafs in Conflict Resolution. *Religions: Faith and Conflict Resolution*, 19(19), Article 9. <https://religions.dicid.org/index.php/religions/article/view/36>.
- Nabil, M. (2025). Amanah (trust) and Physician- Patient Relationship in Islamic Medical Ethics. *Journal of the British Islamic Medical Association*, 19(7).
- Naseer, S. S. (2026). From Taqwa to Murāqabah: Inner Moral Regulation and Accountability in Islamic Moral Psychology. *Islam and Psychology. AlBalagh Academy*. <https://hidayah.albalaghacademy.org/from-taqwa-to-muraqabah-inner-moral-regulation-and-accountability-in-islamic-moral-psychology/>.
- Norajila Binti Che Man, Muhammad Rahimi Bin Osman & Mohd Faizal Bin P. Rameli. (2017). Paradigma Tauhid Dalam Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (Csr). *Proceedings Of 2nd International Islamic Heritage Conference (Ishec 2017)*. Penerbit ACIS, UiTM Cawangan Melaka.
- Pakeeza, S. & Chishti, A. A. (2012). ROLE OF RELIGION IN UNDERSTANDING NORMS AND VALUES. *International Journal of Asian Social Science*, 2(10). <http://www.aessweb.com/journal-detail.php?id=5007>.
- Postmes, T., & Turner, F. M. (2015). Deindividuation. Psychology of. *International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences (Second Edition)*. DOI:10.1016/B978-0-08-097086-8.24015-4.
- Rassool, G. H., & Keskin, Z. (2023). Positioning the self (nafs) in Islāmic psycho-spirituality. *Journal of Spirituality in Mental Health*, 27(1), 1-10. <https://doi.org/10.1080/19349637.2023.2264848>.
- Reicher, S. D., Haslam, S. A., & Platow, M. J. (2018). Shared social identity in leadership. *Current Opinion in Psychology*, 23. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2018.08.006>.
- Rothman, A. (2021). *Developing a Model of Islamic Psychology and Psychotherapy: Islamic Theology and Contemporary Understandings of Psychology*. Routledge Taylor & Francis Group.
- Rothman, A., & Coyle, A. (2018). Toward a Framework for Islamic Psychology and Psychotherapy: An Islamic Model of the Soul. *Journal of Religion and Health*, 57, 1731-1744. <https://doi.org/10.1007/s10943-018-0651-x>.
- Saddiqui, M. (2023). Brotherhood and Equality in the Context of Prophetic Teachings. *Anwar al-Sirah*. <https://doi.org/10.5281/zenodo.11312820>.
- Sammons, J. & Cross, M. (2017). Beyond technology—dealing with people. In *The Basics of Cyber Safety* (pp. 179-200). <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-416650-9.00009-7>.
- Sharifah Basirah Syed Mohsin, Che Zarrina binti Sa'ari, Hasimah Chik & Sheriza Izwa Zainuddin. (2022). Muḥāsabah Al-Nafs (Self-Reflection) dalam Menangani Keresahan Spiritual (Spiritual Distress). *Jurnal Usuluddin*, 50(1). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Spears, R. (2016). Deindividuation. In Stephen G. Harkins, Kipling D. Williams, and Jerry M. Burger (eds), *Intragroup Processes*, in Stephen G. Harkins, Kipling D. Williams, and Jerry Burger (eds), *The Oxford Handbook of Social Influence* (pp. 279–298). Oxford Academic. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199859870.013.25>.
- Spears, R. (2017). Social Identity Model of Deindividuation Effects. In P. Rössler, C.A. Hoffner and L. Zoonen (Eds.), *The International Encyclopedia of Media Effects*. <https://doi.org/10.1002/9781118783764.wbieme0091>.
- Spears, R., & Postmes, T. (2015). Group identity, social influence, and collective action online. In S. S. Sundar (Ed.), *The Handbook of the Psychology of Communication Technology*. <https://doi.org/10.1002/9781118426456.ch2>.

- Vilanova, F., Beria, F. M., Costa, Â. B., & Koller, S. H. (2017). Deindividuation: From Le Bon to the social identity model of deindividuation effects. *Cogent Psychology*, 4(1). <https://doi.org/10.1080/23311908.2017>.
- Wisconsin Muslim Journal. (2024). *6 tips for balancing individualism and collectivism in a modern world*. <https://wisconsinmuslimjournal.org/https-themuslimvibe-com-muslim-lifestyle-matters-6-tips-for-balancing-individualism-and-collectivism-in-a-modern-world/>.
- Wright, J. C. (2026). Others Like Me: How Issue-Position Groups Distort the Function of Morality by Manufacturing Consensus. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 1556(1). <https://doi.org/10.1111/nyas.70096>.
- Zainul Abedin. (2023, November 27). Insights from the Holy Quran on Faith, Ethics, and Social Harmony. *IslamOnWeb*. <https://en.islamonweb.net/insights-from-the-holy-quran-on-faith-ethics-and-social-harmony>.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2024, Oktober 03), #7184: Erti dan Makna Takwa dalam al-Quran. *Koleksi Artikel dan Fatwa*. <https://zulkiflialbakri.com/artikel/erti-dan-makna-takwa-dalam-al-quran>